

PM harap MAS kekalkan pekerja

UM 5 OCT 2001

KUALA LUMPUR 4 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap penyusunan semula ke atas Penerbangan Malaysia (MAS) tidak akan membatalkan pembuangan pekerja syarikat itu.

“Saya tidak dimaklumkan mengenai apa-apa pengurangan kerja tetapi mereka sedang membuat penyusunan semula.

“Jika ada sebarang masalah kita tidak menyelesaikannya dengan terus memecat kakitangan sebaliknya kita akan lihat bagaimana ia boleh diuruskan sebaik mungkin tanpa perlu membuang pekerja,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 2001 mengenai *Tindakan Untuk Industri Yang Berpengetahuan Dan Berdaya Tahan* di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

MAS dalam satu sidang akhbar di Petaling Jaya hari ini menyatakan akan menamatkan penerbangan ke 12 destinasi termasuk New York dalam persedi-

aannya untuk mengurangkan kerugian dan menghadapi jangkaan kemelesetan.

Syarikat penerbangan kebangsaan itu juga turut menyatakan sedang menimbang untuk menawarkan skim pemberhentian sukarela kepada para pekerjanya bagi mengurangkan kos operasi.

Mengenai kemungkinan kerajaan memotong cukai pendapatan dalam Belanjawan 2002, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan meminta semua pihak agar menunggu sehingga hari pembentangan belanjawan pada 19 Oktober ini.

Ditanya mengenai kedudukan Renong Bhd., Perdana Menteri menegaskan, penilaian teliti perlu dibuat sebelum kerajaan boleh membuat keputusan untuk menjual aset, anak syarikat atau syarikat bersekutu United Engineers (M) Bhd. (UEM).

“Pada masa ini, kita sedang melihat UEM secara menyeluruh bagi mencari keperluan untuk menyusunnya semula atau menjadikannya berdaya maju,” tegas Perdana Menteri.